

PROMOSI MERDEKA AMANAHRAYA 2024

Terma dan Syarat

(A) Syarat Promosi dan Kelayakan:

1. Promosi ini terbuka kepada semua individu yang memenuhi syarat-syarat yang berikut:-
 - (a) Untuk Wasiat AmanahRaya – individu yang berumur 18 tahun ke atas (Semenanjung Malaysia dan Negeri Sarawak) dan yang berumur 21 tahun ke atas (Negeri Sabah);
 - (b) Untuk HiBAHKU AmanahRaya - individu yang berumur 18 tahun ke atas (seluruh Malaysia).
2. Tempoh promosi bermula dari **01 Ogos 2024** sehingga **31 Oktober 2024** sahaja.
3. Harga promosi atau diskaun yang ditawarkan adalah seperti berikut;
 - a) **Wasiat Individu:** Promosi ini sah di mana-mana cawangan AmanahRaya seluruh negara, kaunter bergerak AmanahRaya dan secara atas talian (*AmanahRaya Will Online*) melalui laman sesawang AmanahRaya di www.amanahraya.my

Jenis Wasiat	Harga Biasa	Harga Promosi Merdeka AmanahRaya 2024	Kelayakan Diskaun Fi Pusaka
Wasiat Asas	RM500.00	RM400.00 sahaja	Tiada
Wasiat Komprehensif	RM1,200.00	RM1,000.00 sahaja	Tiada

- b) **Wasiat Kombo:** Pelanggan pertama membawa pelanggan kedua yang hadir serentak di mana-mana cawangan AmanahRaya seluruh negara atau kaunter bergerak AmanahRaya sahaja.

Jenis Wasiat	Harga Biasa	Harga Promosi Merdeka AmanahRaya 2024	Kelayakan Diskaun Fi Pusaka
Wasiat Asas	RM1,000.00	RM700.00 sahaja (RM350.00 x 2 pelanggan)	Tiada
Wasiat Komprehensif	RM2,400.00	RM1,800.00 sahaja (RM900.00 x 2 pelanggan)	Tiada

- c) **HiBAHKU:** Promosi ini sah di mana-mana cawangan AmanahRaya seluruh negara atau kaunter bergerak AmanahRaya sahaja.

Jenis Produk	Harga Biasa	Harga Promosi Merdeka AmanahRaya 2024	Kelayakan Diskaun Fi Pusaka
HiBAHKU	RM1,500.00	RM1,300.00 sahaja	Tiada

4. Promosi ini **TIDAK** sah ke atas sebarang promosi AmanahRaya yang lain, diskaun, tawaran dan/atau keistimewaan kecuali dinyatakan sebaliknya.

(B) Hadiah Misteri dan pemilihan pemenang bagi pelanggan HiBAHKU.

1. Pemberian Hadiah Misteri (khas bagi pelanggan individu yang melanggan produk HiBAHKU di cawangan-cawangan AmanahRaya sahaja):

Hadiah Misteri akan diberikan kepada lima (5) orang pelanggan individu terawal yang hadir di mana-mana cawangan AmanahRaya sahaja, seterusnya membayar fi HiBAHKU AmanahRaya tersebut. Hanya satu (1) hadiah sahaja layak diterima oleh seorang (1) pelanggan. AmanahRaya tidak akan bertanggungjawab atas sebarang bayaran balik atau sebarang pampasan dalam mana-mana bentuk.

2. Sekiranya berlaku sebarang pertikaian mengenai peraturan, kriteria pemilihan, keputusan dan semua perkara lain yang berkaitan dengan pemilihan pemenang, keputusan yang dibuat oleh AmanahRaya adalah muktamad, terakhir dan tidak boleh dipertikaikan. Apa jua pertikaian dan / atau aduan melalui mana-mana jenis medium tidak akan dilayan.
3. AmanahRaya berhak mengganti sebarang hadiah dengan hadiah-hadiah lain yang sama nilainya tanpa sebarang notis.
4. Hadiah yang ditebus tidak boleh dikembalikan atau ditukarkan dengan wang tunai atau apa jua bentuk lain atas apa jua sebab dengan AmanahRaya. Hadiah yang ditebus mesti diterima seperti yang ditawarkan.

(C) Polisi Pemulangan Fi Wasiat dan HiBAHKU.

Tiada pemulangan fi bagi semua jenis produk dan perkhidmatan yang dilangani melalui Promosi ini.

(D) Pembatalan Produk dan Perkhidmatan Wasiat dan HiBAHKU.

Sebarang permohonan untuk pembatalan produk dan perkhidmatan yang dilangani melalui Promosi ini tidak akan dilayan.

(E) Lain-lain syarat.

1. Dengan menyertai promosi ini, pelanggan-pelanggan dianggap dan mengakui telah membaca dan memahami sepenuhnya serta telah bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat yang telah diteterakan di sini.

2. AmanahRaya tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan dengan apa jua cara berkenaan dengan kegagalan teknikal apa jua bentuk, campur tangan, gangguan dan / atau kesilapan elektronik atau manusia dalam pentadbiran dan / atau pemprosesan urusan yang dilakukan dengan syarat bukan disebabkan oleh kecuai AmanahRaya.
3. AmanahRaya tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kemungkinan yang disebabkan bencana alam, peperangan, rusuhan, perintah berkurung, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, epidemik, pandemik, kegagalan sistem atau apa-apa situasi di luar kemampuan AmanahRaya.
4. Dengan menyertai promosi ini, pelanggan juga memberi kebenaran kepada AmanahRaya untuk memproses data peribadi pelanggan yang diberikan untuk perkara-perkara berkaitan dengan promosi. Apa-apa perkara berkaitan data peribadi yang berhubung kait dengan promosi ini akan ditadbir dan diuruskan mengikut Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 dan apa-apa undang-undang yang berkaitan di Malaysia.
5. PENAFIAN: TERTAKLUK KEPADA APA YANG DIBENARKAN OLEH UNDANG-UNDANG, AMANAHRAYA, PEGAWAI, PEKERJA, EJEN YANG DILANTIK ATAU WAKILNYA TIDAK AKAN BERTANGGUNGJAWAB UNTUK KEROSAKAN LANGSUNG, TIDAK LANGSUNG, KHAS, SAMPINGAN, GANTI RUGI TAULADAN ATAU AKIBAT KEROSAKAN (TERMASUK KEHILANGAN PENGGUNAAN, DATA, PERNIAGAAN ATAU KEUNTUNGAN) YANG TIMBUL DARIPADA ATAU BERKAITAN DENGAN PENYERTAAN PELANGGAN WASIAT DALAM PROMOSI INI, SAMA ADA LIABILITI TERSEBUT BERLAKU BERPUNCA DARIPADA APA-APA TUNTUTAN BERASASKAN KEPADA KONTRAK, JAMINAN, TORT (TERMASUK KECUAIAN), LIABILITI KETAT ATAU SEBALIKNYA, DAN SAMA ADA PELANGGAN TELAH DINASIHATKAN ATAU TIDAK KEMUNGKINAN KERUGIAN ATAU KEROSAKAN BOLEH BERLAKU.
6. AmanahRaya mempunyai hak dan budi bicara secara mutlak untuk meminda, membatalkan atau menambah mana-mana terma dan syarat ini pada bila-bila masa tanpa perlu memberi notis terlebih dahulu melalui mana-mana medium komunikasi. Apa-apa pindaan, pembatalan atau penambahan akan berkuatkuasa, dibaca dan ditafsirkan seolah-olah telah dimasukkan dan menjadi sebahagian daripada terma dan syarat ini dan pelanggan hendaklah terikat kepada perubahan sedemikian AmanahRaya juga berhak untuk mengubah, melanjutkan atau menamatkan Tempoh Promosi mengikut budi bicara mutlaknya tanpa perlu memberi sebarang notis terlebih dahulu.
7. Terma dan syarat promosi ini terikat dengan ditafsir mengikut undang-undang Malaysia.
8. Untuk maklumat dan pertanyaan lanjut, sila hubungi Amanah Raya Berhad di talian 03-27237273 atau layari laman sesawang AmanahRaya di www.amanahraya.my.

Ruangan ini sengaja dibiarkan kosong